

Wakil Ketua Parlimen Indonesia di Moscow

Wakil Ketua Parlimen Indonesia Zainal Abidin bin Ahmad
yang menjadi pula anggota pemimpin Masyumi, telah singgah di Singapura
dalam perjalanannya balik ke Jakarta pada 12 Jun yang lalu dan telah memberi
kenyataan-kenyataan kepada wakil kita dalam beberapa perkara yang boleh dikatakan
adil tatkala menunjukkan pendirian-pendirian Soviet Rusia atau Komunis
terhadap agama yang pada masa ini mereka agung-agungkan bahawa mereka
membebaskan beragama di negeri-negeri Komunis-P.]

“Dalam pemergian saya kali ini telah dapat
melawat tiga negara-negara Komunis, negara
demokrasi dan negara beragama. Di dalam pemergian
ini sudah tentu saya mengambil peluang-peluang yang berfaedah
kepada negeri saya iaitu memilih nama-nama yang bermanfaat
dan menjauhi mana-mana yang tidak bermanfaat kepada
negara saya. Oleh kerana itu maka sudah pada
tempatnyalah kalau yang baik, saya katakan baik dan yang
buruk saya katakan buruk”-katanya.

“Berdasarkan kepada yang demikian ini maka untuk
memasukkan negara Komunis dan untuk
memberi pertimbangan-pertimbangan yang saksama mustahaklah bagi saya
menghilangkan atau menjauhi daripada fikiran saya
akan ideologi-ideologi yang ada pada saya dan dengan begitu
baharulah saya dapat memberi kenyataan-kenyataan yang berfaedah sebab
kalau fikiran saya diliputi oleh ideologi-ideologi
sudah tentulah saya tak dapat mencari manfaat-manfaat yang boleh
diambil daripada lawatan saya ke negeri Komunis itu.

“Perkara yang menakutkan saya dalam lawatan
saya ke Moscow itu ialah dengan pembangunan-pembangunan yang
besar terutama dalam bandar Moscow yang tua di mana ada
jalan-jalan raya yang lebar-lebar sehingga 50 meter lebarnya.
Jika yang demikian di dalam sebuah negara baharu tidaklah
menakutkan tetapi yang demikian berlaku di sebuah
negara yang tua yang boleh dikatakan hampir sama tuanya
dengan bandar Paris.

“Kemudian apabila perbandingan maka mengertilah
saya bahawa yang demikian hanyalah dapat dilakukan apabila
rakyat Rusia itu mesti patuh kepada pemerintahannya-
rakyat itu alat bagi pemerintah dan hak milik dari
rakyat itu telah hapus dan oleh kerana itulah apabila
ada hak seseorang yang bakal dilanggar oleh jalan raya
itu maka orang itu dipindahkan ke suatu tempat
yang lain yang bukan hak miliknya sedang orang itu
tidak akan boleh mengatakan tidak atau pun mempertahankan
haknya seperti di negara kita. Dengan keterangan ini



Rombongan Ketua Parlimen Indonesia di Kremlin. Yang bersongkok nombor dua dari kanan ialah

A. Zainal Abidin bin Ahmad, wakil Ketua tiga Parlimen Indonesia.

tidaklah menghairankan kalau di sana banyak bangunan-bangunan yang besar-besar, yang indah-indah yang semuanya dikerjakan oleh orang-orang yang mengabdikan diri atau terpaksa mengabdikan diri kepada perkara yang disalurkan oleh pemerintahnya.

“Selain daripada itu saya dapat memperhatikan pula tentang hal-hal jalan-jalan raya yang bersih-jika dibandingkan negeri saya-berbeza bagi bumi dengan langit. Hampir-hampir tidak terlihat oleh kita di sana, sampah sarap di tepi jalan, kerana orang-orang di sana telah mengikut disiplin atau patuh kepada peraturan iaitu hendaklah membuang sampah-sampah itu di dalam tong-tong yang disimpankan di tepi-tepi jalan yang jaraknya di antara satu dengan lain cuma beberapa meter sahaja. Yang demikian ini sudah tentulah kerana disiplin yang berjalan atau dijalankan oleh pemerintah negara itu beberapa lamanya. Pembangunan dan segala-galanya itu adalah membuat satu jasa yang besar kepada negara Soviet Rusia dan yang demikian

itu hanya dapat dijalankan oleh suatu negara yang rakyatnya itu adalah untuk negara-ertinya dengan apa jalan jua pun mestilah bekerja untuk faedah negara -bukan maslahat dirinya sendiri”-katanya.

Tatkala menjawab pertanyaan tentang bagaimanakah kebebasan agama yang ada di Moscow itu saudara Zainal Abidin berkata: “Pada masa yang akhiran ini kebebasan agama nampaknya diberi-masjid, gereja, dan seumpamanya dibebaskan menjalankan ibadatnya. Di Moscow ada sebuah masjid sahaja bagi penduduk-penduduk Islam yang sebanyak 10,000 orang. Masjid itu didirikan oleh umat Islam yang mempunyai imamnya sendiri tetapi calon-calon bagi pengisi masjid itu tidak ada sekolahnya dan tidak ada tempat belajarnya. Ringkasnya tidak ada sebuah sekolah pun di sana untuk pengajian agama dan oleh kerana itu adalah menjadi suatu pertanyaan apakah nanti akan ada orang-orang yang bakal mengisi masjid itu; sebab tidak

mungkin suatu agama itu akan subur dan akan hidup kalau tidak ada pelajaran-pelajaran agama untuk anak-anak orang Islam itu. Di sana hanya ada sekolah-sekolah yang berdasarkan dengan dasar pelajaran Komunis sahaja”-katanya.

“Juga masjid di sana tidak ada yang dibantu oleh pemerintah-dan gereja sedemikian juga nasibnya. Kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain maka pemerintah-pemerintah negara itu, jika tidak mendirikan sendiri gereja atau masjid-masjidnya, tetapi lazim juga memberi subsidi-yang demikian tidak ada di Rusia.”

Tatkala ditanya tentang bagaimanakah fikirannya adakah Komunis itu akan subur hidupnya di negara-negara lain, saudara Zainal Abidin mengatakan bahawa ia berpendapat Komunis tidak akan hidup subur di lain-lain negeri sebab di lain-lain negeri penduduknya ada mempunyai hak milik atau kebebasan hidup dengan hak milik. Kalau kita baca sejarah kebangkitan di Rusia, katanya, kita akan mendapati bahawa pada masa yang lampau rakyat jelata di Rusia itu hidup tidak mempunyai hak milik dalam kehidupan-mereka ditindas oleh kerajaan-kerajaan dan oleh kaum-kaum *feudal* Rusia yang menjadikan mereka hidup melarat dan sengsara. Dengan kerana itu maka Komunis boleh subur hidupnya di tanah itu kerana sekalipun mereka tidak dapat hak milik tetapi mereka mendapat kesenangan yang dibahagikan oleh pemerintah mereka yang menjadi juga sebagai *feudal* kepada umatnya-yang mengaku pentadbiran rakyat atas kemahuan pemerintahnya. Tetapi di negara-negara lain yang demikian itu tidak akan ada kerana kehidupan di lain-lain tempat itu telah mempunyai hak milik. Sekarang, katanya, umat di Rusia, sesudah Khrushchev memerintah, keadaannya harus menyimpang daripada dasar Komunis dahulu tentang hak-hak milik umatnya. Hak-hak milik itu telah mula diberi



Batu yang terletak di luar sebuah masjid bagi beberapa ratus orang kaum Muslimin di Poland Utara

kepada penduduk-penduduk yang buktinya bahawa orang-orang telah ada mempunyai motokar sendiri, boleh membeli barang-barang di kedai, di luar catuan yang lazim di adakan dahulu, dan juga mereka diberi hak tentang tanah-tanah yang dibahagikan kepada mereka.

Saudara Zainal Abidin juga menerangkan bahawa orang-orang tani adalah dipandang lebih tinggi daripada pekerja-pekerja dan kerap kali juga disebut bahawa orang-orang tani itu telah bekerja sehingga 50 jam sehari.

“Mendengar keterangan itu saya merasa terperanjat kerana jam yang ada hanya 24 jam sehari semalam apa pula ertinya bekerja 50 jam sehari”-kata saudara Zainal Abidin Ahmad. “Rupanya yang dimaksud petani-petani

-sambungan pada muka 41

Wakil Parlimen Indonesia di Moscow

-sambungan dari muka 9.

Bekerja 50 jam ialah diukur kepada hasil-hasil yang didapat oleh ahli tani itu sendiri-jika banyak hasilnya banyaklah sifat jam bekerja yang didapat oleh mereka itu.”

Tatkala ditanya tentang lawatan-lawatannya di Poland dan di lain-lain tempat yang telah dikomunikasikan oleh Rusia itu saudara Zainal Abidin Ahmad berkata bahawa terang kegelisahan-kegelisahan hidup mereka itu sememangnya ada terutama di Poland di dalam mana jiwa patriot-patriot Poland itu tidak akan dapat dilontar dan dilentur dengan begitu sahaja.

Ia mengatakan juga bahawa di daerah sebelah utara Poland yang ia masih bersyukur mengetahui di sana ada beberapa ratus orang Islam yang masih beriman dan taat menunaikan kewajipan-kewajibannya sekalipun kedudukan mereka terletak di antara orang yang tidak berTuhan dan alim Kristian.

Tatkala ditanya bagaimana pendapat-pendapatnya tentang lawatan-lawatannya ke negara-negara demokrasi di Eropah seperti Jerman, France dan Itali, saudara Zainal Abidin Ahmad berkata bahawa ia menghargai sangat atas pegangan yang kuat atau keras terhadap dasar-dasar demokrasi tetapi ada seperkara yang sangat merugikan negara-negara itu iaitu kerap kali di sana sini berlaku kekacauan dan yang seumpamanya yang merugikan kepada masalah kedudukan negara-negara itu.

“Tatkala saya memasuki Vatican bertemu dengan Pope maka terasa perubahan-perubahan dari alam asia, alam demokrasi masuk kepada alam keTuhanan, di mana udara aman dan tenteram apabila saya menjumpai Pope. Saya sangat gembira mendengar dari Pope sendiri yang beliau sangat memerhatikan kepada peristiwa yang sedang berlaku di Indonesia pada waktu ini dan saya, sesudah



Sentiasa sujud kepada Allah – menunjukkan umat Islam di Poland Utara masih kuat imannya sekalipun mereka cuba dikomunikasikan. Menurut keterangan mereka di sana ada beberapa ratus orang sahaja.

itu, saya berkeyakinan bahawa perdamaian dunia dan keselamatan tiap-tiap bangsa hanyalah dapat dicapai oleh masing-masing orang itu apabila ada kerjasama di seluruh dunia yang didasarkan kepada keTuhanan-katanya.

Ada satu perkara yang patut rasanya diperhati di dalam perjalanan beliau ini tentang perbahasan yang terbit antara beliau dengan jurubahasa yang memandu beliau. Tatkala beliau bertanya kepada jurubahasa itu apakah pengertian athies tentang keTuhanan maka jurubahasa itu menyatakan bahawa Tuhan itu tidak ada dan pengertian itu hanya satu prasangka sahaja-bukti yang nyata bahawa pengajaran-pengajaran yang dianjurkan oleh agama-agama itu ialah mengatakan bahawa agama-agama itu membawa perdamaian tetapi yang

berlaku dan dilihat di mana-mana tempat di dalam dunia ini tidak ada perdamaian yang jelas-jadi apakah ada kuasa dari Tuhan yang tuan katakan itu-kata jurubahasa itu kepada beliau.

Mendengar jawapan itu beliau menerangkan bahawa Tuhan ertinya perdamaian kepada agama-agama lain. Tetapi pada kami yang ada perdamaian yang kekal abadi itu hanya diletakkan oleh Tuhan kepada malaikat. Kami berkeyakinan bahawa di dalam dunia ini ada 3 makhluk dijadikan Tuhan iaitu malaikat yang kerjanya berbuat baik dan kebajikan dengan aman dan sejahtera dan ada pula iblis yang tujuan dan kerjanya merosakkan. Kedudukan kami sebagai makhluk ialah di antara yang kedua itu kami berpendapat bahawa kami dihidup dan ditugaskan berjuang untuk mendapat yang baik dan berjuang untuk menjauhkan daripada kejahatan. Dan itulah ertinya hidup pada kami dan sebab itu kami diberi kekuasaan untuk berikhtiar dan berjuang untuk mendapat perdamaian dan kesejahteraan dunia. Dan dengan tidak ada perjuangan tidak ada ertinya hidup dan tidak akan didapat keamanan dan kesejahteraan dengan begitu sahaja. Rupanya sesudah mendengarkan keterangan beliau jurubahasa itu merasa kelemahannya dan daripadanya beliau berpendapat bahawa sebenarnya keadaan itu kurang pengertian dan kurang pembawaan yang diberikan kepada mereka.

Saudara Zainal Abidin menerangkan juga bahawa pengertian persamaan hak di antara lelaki dengan perempuan berlainan dengan pengertian di lain-lain tempat. Dasar persamaan ini diasaskan pada dasar “tidak ada kerja”, “tidak ada roti”. Dasar ini sudah menjadikan tiap-tiap orang mesti bekerja - lelaki perempuan - tua muda – semuanya bekerja untuk mendapatkan roti.

Jika di dalam alam kita erti perkahwinan itu dimaknakan wanita menyerahkan dirinya bagi



Muslimat-muslimat di Poland utara yang masih kuat imannya di dalam menghadapi himpitan di antara orang-orang athies dan agama-agama lain.

diperlindungi – sama ada di dalam perbelanjaan hidup sehari-hari atau pun di dalam keadaan dirinya – di Rusia yang demikian itu lain keadaannya kerana perempuan juga ada bekerja seperti lelaki yang tidak akan berharap kepada bantuan lelaki. Dengan keterangan keadaan ini maka berpasangan di antara lelaki dengan perempuan itu tidak ada pertaliannya lagi selain daripada suka sama suka – dan kalau sudah suka sama suka maka boleh berkumpul dengan tidak payah bernikah lagi – tidak dipaksa untuk mendaftarkan diri mereka tentang percampuran itu.

Kalau sudah sama-sama tidak suka lagi – mereka boleh berpisah dan tanda bagi perceraian mereka ialah kalau salah seorang daripada mereka – yang lelaki sudah suka pula kepada wanita lain atau wanita telah suka dan bersatu pula dengan lelaki lain.